

13/10/2003

`Usaha peringati PM bukan dewa-dewakan pemimpin'

KUALA LUMPUR: Usaha pelbagai pihak memperingati jasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, lahir daripada keikhlasan rakyat dan bukan bertujuan mendewa-dewakan pemimpin itu.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata langkah menganjurkan program dan mengadakan pelbagai aktiviti dilakukan secara spontan bagi menghargai sumbangan Dr Mahathir selama 22 tahun.

"Saya tidak fikir rakyat Malaysia menganggap tindakan menganjurkan pelbagai program itu sebagai pendewaan yang keterlaluan terhadap Dr Mahathir kerana rakyat Malaysia adalah bangsa yang tahu mengenang budi dan dididik untuk menghargai sejarah termasuk menghormati sumbangan pemimpin negara.

"Malah, langkah memperingati jasa Dr Mahathir bukan saja dilakukan dalam negara, sebaliknya beliau turut diiktiraf di luar negara seperti ketika Sidang Kemuncak Asean ke-9 di Bali, baru-baru ini, hinggakan Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri sebak ketika menyampaikan ucapan penghargaan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Pertandingan Pengkisahan Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 2003 di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, dalam lidah pengarang Pas yang berpendapat, usaha berkenaan hanya untuk menonjolkan jasa dan memuji Dr Mahathir tetapi tidak mempersoalkan kesilapan pemimpin itu.

Antara usaha yang dilakukan adalah menganjurkan pameran perjuangan Dr Mahathir, menerbitkan buku, koleksi ucapan dan mesej ringkas menerusi sistem pesanan ringkas (SMS) yang menghargai jasa beliau kepada negara.

Zainuddin yang kesal dengan kenyataan itu, berkata pandangan negatif seumpamanya menunjukkan pembangkang bimbang imej Dr Mahathir yang mereka cemarkan sebelum ini pulih berikutan usaha pelbagai pihak menganjurkan program memperingati jasa beliau.

"Usaha yang dilakukan sekarang (program memperingati Dr Mahathir) membuktikan rakyat mulai menerima hakikat sebenar dan tidak terpengaruh dengan pembohongan dan kebencian yang dilaungkan pari pembangkang itu.

"Jika mereka menganggap kita taksub kepada Dr Mahathir, realitinya mereka lebih taksub kerana walaupun pemimpin mereka menggunakan imej ulama untuk memaki hamun, tetapi tetap mempunyai pengikut yang fanatik," katanya.

Sementara itu, Zainuddin meminta penulis tempatan supaya menghasilkan buku yang memaparkan perjuangan pemimpin yang membawa kepada kemerdekaan negara.

"Kita kesal kerana ketika ini, bukan saja buku mengenai pemimpin agung negara seperti Allahyarham Tun Hussein Onn, Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Dr Ismail Abdul Rahman tidak dibukukan, malah usaha juga tidak dilakukan untuk menterjemah beberapa buku mengenai Almarhum Tunku Abdul Rahman ke bahasa Melayu," katanya.